

71 – Patung anak lembu boleh bersuara

- (A A'raaf: 148) وَاتَّخَذَ قَوْمُ مُوسَىٰ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ حُلِيِّهِمْ عِجْلًا جَسَدًا لَهُ خُورٌ
- قَالُوا مَا أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلِكِنَا وَلَكِنَّا حُمُلْنَا أَوزَارًا مِنْ زِينَةِ الْقَوْمِ فَقَذَفْنَاهَا فَكَذَلِكَ أَلْقَى السَّامِرِيُّ (87) فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَهُ خُورٌ (Toha: 87 & 88)
- Samiri telah membuat satu patung anak lembu yang bersuara supaya kaum Nabi Musa menyembahnya.

Soalan

- Patung yang diperbuat daripada emas dan bersuara seperti bunyi lembu adalah tidak masuk akal dan tidak tepat dengan sains.

Jawapan

- Tiada apa yang mustahil kalau ia dengan kehendak Allah.
- Ia mungkin tidak boleh diterima akal pada masa itu kerana memang bertujuan untuk menguji mereka.
- Penciptaan patung anak lembu ini boleh disamakan dengan pembuatan alat-alat muzik oleh manusia lain yang mengeluarkan pelbagai bunyi. Dan sekarang, ia bukanlah suatu perkara yang mustahil.

72 – Cincin Nabi Sulaiman

- وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ وَأَلْقَيْنَا عَلَى كُرْسِيِّهِ جَسَداً ثُمَّ أَنَابَ ۖ قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكاً ۖ لَا يَنْبَغِي
لِلْأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي ۖ إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ (Shaad: 34&35)
- Ketika pemerintahannya, Nabi Sulaiman telah diuji oleh Allah. Setelah menyadari kesilapannya, baginda terus bertaubat.

Soalan

- Nabi Sulaiman menjadi raja dan memerintah sekalian jin dan manusia, bukan kerana kewibawaannya tetapi kerana sebetuk cincin sihir yang dipakainya.
- Bagaimana isteri-isteri Nabi Sulaiman tidak boleh membezakan antara syaitan dan suaminya dalam tempoh yang lama?

Jawapan

- Hadis-hadis dan cerita berkenaan cincin Nabi Sulaiman yang hilang, tidak soheh.
- Ia tertolak sama sekali kerana ada unsur-unsur syirik dan menjatuhkan martabat Nabi.
- Fitnah (ujian) yang tersebut didalam Al Quran bukan berkaitan cincin tetapi berkenaan peristiwa lain yang disebutkan didalam hadis yang lebih soheh.

73 – Azab kubur

- وَحَاقَ بِآلِ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ (45) النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ (Ghaafir: 45&46)
- Balasan Allah kepada ahli neraka bukan hanya akan bermula selepas kiamat, tetapi ia terus bermula didalam kubur setelah kematiannya.

Soalan

- Bagaimana jasad yang sudah tidak bernyawa dan sel-sel yang telah mati boleh merasai azab?
- Kenapa hanya binatang sahaja yang boleh mendengar seksaan didalam kubur?
- Hadis dua orang tua Yahudi menceritakan tentang azab kubur yang diriwayatkan oleh Bukhari, sebenar mereka mendengar orang yang belum benar-benar mati lagi meminta tolong setelah ditanam.

Jawapan

- ✓ Orang yang sedang bermimpi ngeri, walaupun jasadnya tenang tetapi jiwanya sedang terseksa.
- ✓ Hanya binatang yang boleh mendengar seksaan kubur adalah kehendak Allah dan Rahmat daripadaNya kepada kita.
- ✓ Azab kubur adalah perkara ghaib yang tiada siapa pun mengetahuinya, wajib wajid dipercayai kerana ia berdasarkan nas-nas yang sangat jelas lagi soheh.

74 – Unta Nabi Soleh

- $\text{فَيَأْخُذْكُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ}$ hingga firmanNya $\text{وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحٌ}$ (Al A'raaf: 73)
- Allah memberikan unta untuk membuktikan kebenaran Nabi Soleh, tetapi akhirnya ia disembelih oleh kaumnya, lalu mereka ditimpa azab.

Soalan

- Apakah batu boleh melahirkan seekor unta?
- Masuk akalkah unta itu meminum semua air dan makanan kaum itu?
- Bagaimana Allah boleh memusnahkan seluruh bandar disebabkan seekor unta.

Jawapan

- ✓ Cerita-cerita yang beredar didalam kitab-kitab tafsir berkenaan unta tersebut adalah tidak soheh melainkan..
- ✓ 1 – Allah menjadikan unta itu sebagai tanda kepada kaum Tsamud. Bagaimana tanda itu? Ia tidak dijelaskan.
- ✓ 2 – Mereka tidak mengendahkan nasihat Nabi Soleh dan menyembelihnya.
- ✓ 3 – Mereka diazab selepas tiga hari.
- ✓ Allah memusnahkan kaum Tsamud kerana telah melanggar perintah Allah dan Rasul. Unta itu hanya penyebab.

75 – Kebinasaan Kaum Madyan

- كَذَّبَ أَصْحَابُ لُيْكَةَ الْمُرْسَلِينَ hingga firmanNya إِنَّهُ كَانَ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ (As Syu'araa: 176 – 190)
- Kisah kaum Madyan dan nabi mereka Syu'aib banyak terdapat didalam Al Quran. Antaranya ialah yang tersebut di atas.

Soalan

- Azab Allah yang ditimpakan keatas kaum Madyan sebagaimana disebutkan Al Quran, saling bercanggah. Mereka binasa samaada kerana gempa bumi جُثِمِينَ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جُثِمِينَ (Al A'raaf: 91), atau bunyi pekikan yang kuat وَأَخَذَتِ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيَرِهِمْ جُثِمِينَ (Hud: 94), ataupun awan yang membakar فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمْ عَذَابُ يَوْمِ الظُّلَّةِ (As Syu'araa: 189)??

Jawapan

- ✓ Kebinasaan kaum Madyam berlaku dalam tiga peringkat.
 - 1 – Berlaku gempa bumi.
 - 2 – Gempa itu mengeluarkan bunyi yang memekakkan telinga.
 - 3 – Selepas ditimpa gempa bumi, mereka dihancurkan pula dengan panahan kilat daripada awan yang mendung.